



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (85) 04/12

KAMPUNG BARU PASAK TERIMA MANFAAT RM2.55 JUTA MELALUI PROJEK KAMPUNG ANGKAT MADANI MINDEF

1. **KOTA TINGGI, 15 Disember 2024** – Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah menyempurnakan Majlis Perasmian dan Penyerahan Projek di bawah Program Kampung Angkat MADANI - Kementerian Pertahanan (MINDEF) bertempat di Gelanggang Baharu Kampung Baru Pasak, hari ini.
2. Semasa berlangsung, Menteri Pertahanan telah **disambut oleh Pegawai Daerah Kota Tinggi, Tuan Haji Miswan bin Yunus** dan **melawat projek yang telah berjaya disiapkan termasuk surau dan balai raya baharu** bagi kegunaan penduduk Kampung Baru Pasak.
3. Kemudiannya, Menteri Pertahanan telah **menyempurnakan gimik penyerahan Projek Program Kampung Angkat MADANI – MINDEF kepada Pegawai Daerah Kota Tinggi** dan **penyerahan bantuan kepada komuniti setempat** termasuk Inisiatif Perumahan Veteran ATM (Baik Pulih Rumah), Sumbangan Bantuan Bakul Makanan, Bantuan Komuniti, serta Bantuan Persekolahan.
4. Simboliknya, gimik pelancaran ini telah **menzahirkan komitmen MINDEF dalam membangunkan infrastruktur serta meningkatkan taraf hidup penduduk desa** dengan menyumbang kepada peningkatan aktiviti ekonomi, kehidupan dan memperkuuh hubungan kerjasama antara anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan masyarakat setempat.
5. **Turut berlangsung** adalah **karnival mini bermula dari jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang melibatkan penyertaan sekitar 250 orang penduduk kampung**. Karnival ini telah menawarkan pelbagai aktiviti seperti pertukaran 200 unit terawal topi keledar percuma, pertandingan mewarna, anyaman ketupat, permainan Kon dan Ring, Batu Seremban, Timbang Raga dan Boling Kelapa. Selain itu, ATM juga turut menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan dan pergigian serta program kerohanian iaitu Kursus Pengurusan Jenazah dan Klinik Surah Al-Fatihah.
6. Usaha ini adalah satu manifestasi Kerajaan MADANI yang telah menyalurkan peruntukan nasional sebanyak RM100 juta semasa Belanjawan 2024 dengan pecahan **setiap kampung angkat menerima peruntukan maksimum RM2.5 juta dan tambahan dana RM50,000.00 daripada MINDEF kepada Kampung Baharu Pasak melibatkan projek penanaman cendawan**. Peruntukan ini adalah bagi memastikan capaian liputan kemudahan asas air, elektrik, jalan, lampu jalan, kemudahan masyarakat dan capaian internet dapat dipertingkatkan di kawasan desa.

7. Pemilihan Kampung Baru Pasak sebagai Kampung Angkat MADANI - MINDEF adalah berdasarkan kemudahan asas yang masih di bawah 50 peratus. Di bawah inisiatif ini, **10 projek menaik taraf, pembinaan baharu, baik pulih serta projek tanaman dilaksanakan untuk memberi manfaat kepada lebih 600 penduduk daripada 152 isi rumah**. Majoriti penduduk kampung ini bergantung sepenuhnya kepada aktiviti ekonomi setempat, termasuk sebagai pekebun kecil, nelayan dan buruh.
8. Keseluruhan projek ini telah dilaksanakan oleh kontraktor tempatan dengan keutamaan diberikan kepada kontraktor Bumiputera bagi menyokong ekonomi setempat. Antara agensi yang terlibat dalam perlaksanaan projek ini adalah MINDEF, ATM, Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM, Pejabat Daerah Kota Tinggi (PDKT), serta Jabatan Kerja Raya (JKR) Kota Tinggi.
9. Turut hadir dalam majlis ini adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali; Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Dato' Wira Muhammad Hafizuddeain bin Jantan; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBhg. Datin Roszanina binti Wahab; Timbalan Panglima Tentera Udara mewakili Panglima Tentera Udara, YBhg. Leftenan Jeneral Dato' Sri Haji Muhamad Norazlan bin Aris TUDM; Ketua Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera, Mejar Jeneral Dato' Hj Mohd Rashidi bin Bujai dan Ketua Pengarah JHEV ATM, YBhg. Mejar Jeneral Dato' Hj Semaon bin Hj Marjuki.

-TAMAT-

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

**Kementerian Pertahanan Malaysia
15 Disember 2024**